

13/08/1997

Intellect, NCR laksana penggunaan kad pintar

Husain Jahit

NCR Malaysia menandatangani perjanjian kerjasama dengan Intellect yang bergiat dengan cergas dan antara syarikat utama dalam industri perdagangan elektronik (EC).

Perjanjian itu dimeterai sehari selepas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan Permohonan Cadangan Untuk Konsep (CRFP) bagi melaksanakan kad pintar pelbagai guna (MPC).

MPC ialah salah satu daripada tujuh aplikasi perdana Koridor Raya Multimedia (MSC) dan inisiatif terhadap pelaksanaan infrastruktur kad pintar seluruh negara.

Kad dan sistem berkaitan membolehkan rakyat Malaysia menikmati rangkaian aplikasi yang luas dari dompet elektronik hingga ke lesen memandu dan kad pengenalan.

Kerjasama itu dianggap strategik kerana NCR terkenal dengan peranannya di dalam sektor terminal layan diri dan menguasai 80 peratus pasaran "Automatic Teller Machines" (ATM) seluruh negara sejak mula beroperasi lebih 40 tahun di Malaysia.

Manakala Intellect pula menawarkan teknologi pembayaran elektronik selamat yang direka khusus bagi menyokong penggunaan kad pintar dan skim bayaran penggunaan kad.

Kerjasama antara kedua syarikat akan berkembang menjadi hubungan kerja berterusan dengan pelaksanaan projek besar di lebih 15 negara.

Di Belanda saja, gabungan kedua pihak sudah melengkap lebih 30,000 terminal kad nilai. Ini bermakna Intellect boleh mendakwa bahawa banyak transaksi kad nilai dibuat melalui terminalnya berbanding terminal lain seluruh dunia.

Pengurus Besar Intellect, Asia Pasifik Geoff Gander berkata, ini adalah peluang besar kepada kedua syarikat untuk bekerjasama di dalam pembangunan teknologi menarik bukan saja di rantau Asia Pasifik tetapi di seluruh dunia.

"Konsortium aplikasi akan ditubuhkan tidak lama lagi tetapi kami mempunyai rekod operasi yang sudah terbukti keupayaannya bagi membina satu platform untuk merealisasikan projek berinovatif itu," tambahnya.

Menurut Pengarah Urusan NCR Malaysia, Khairun Zainal Mokhtar, syarikatnya berbangga dapat bergabung dengan Intellect dan menunggu tindak balas komprehensif daripada kerajaan Malaysia beberapa bulan lagi.

"Kami percaya, teknologi canggih dan pengalaman unik Intellect dalam melaksanakan penyelesaian kad pintar serta pengalaman unik kami di dalam sistem kewangan akan menjanjikan pelanggan menikmati perkhidmatan MPC yang baik," tambahnya lagi.

Kedua organisasi sudah menunjukkan keupayaan dengan kejayaan pelaksanaan terminal pelbagai kad pintar di Belanda, Amerika Syarikat, Sweden dan United Kingdom.

(END)